



Cadangan jenamakan Wilayah Sabah, Sarawak sebagai Tanah Besar Malaysia

KUALA LUMPUR: Persoalan sama ada kerajaan bercadang untuk menjenamakan Wilayah Sabah dan Sarawak sebagai Tanah Besar Malaysia (198,354 km² atau 60 peratus daripada tanah Malaysia), dijangka ditanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Menurut Aturan Urusan Mesyuarat, soalan itu akan diajukan Datuk Seri Madius Tangau (UPKO-Tuaran) kepada Perdana Menteri, memandangkan 'Federation of Malaya' (132,265 km² hanya 40 peratus daripada tanah Malaysia) sudah sekian lama dinamakan sebagai Semenanjung Malaysia.

Ahmad Fadhli Shaari (PAS-Pasir Mas) pula akan mengajukan soalan kepada Menteri Alam Sekitar dan Air, mengenai perkembangan terkini projek pembinaan tebatan banjir di tepi Sungai Golok yang membabitkan sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand.

Tumpuan juga dijangka terarah kepada soalan Datuk Seri Rohani Abdul Karim (GPS-Batang Lupar) yang meminta Perdana Menteri mengesahkan sekiranya data yang dikumpul oleh **Jabatan Perangkaan** menggambarkan situasi sebenar kepelbagaian dimensi kemiskinan di negara ini.

Selepas sesi itu, persidangan akan diteruskan dengan sambungan sesi perbahasan Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan 2022 Peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pengangkutan; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Semalam, sesi perbahasan peringkat jawatankuasa membabitkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di mana Dewan Rakyat meluluskan peruntukan RUU Perbekalan 2022 sebanyak RM195,036,300 dengan undian suara majoriti.

Anggaran perbelanjaan mengurus berjumlah RM835,666,800 yang diperuntukkan kepada Kementerian Sumber Manusia dalam Belanjawan 2022 turut diluluskan dengan lebih suara menyokong.

Dewan Rakyat bersidang hingga 16 Disember depan. – BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/893839/cadangan-jenamakan-wilayah-sabah-sarawak-sebagai-tanah-besar-malaysia>